



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Geografi

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 3



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Geografi

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 3

Bahagian Pembangunan Kurikulum

APRIL 2017

Terbitan 2017

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan	vii
Kata Pengantar	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat	2
Objektif	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah.....	2
Fokus	4
Kemahiran Abad Ke-21	8
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	10
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	12
Elemen Merentas Kurikulum	15
Pentaksiran Sekolah.....	18
Organisasi Kandungan	20
Kemahiran Geografi.....	22

Geografi Fizikal.....	24
Geografi Manusia.....	27
Geografi Kawasan.....	29
Isu dan Pengurusan Alam Sekitar.....	31
Panduan Kerja Lapangan.....	33
Panel Penggubal.....	46
Penghargaan.....	47



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97.]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijemakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran dalam dokumen kurikulum telah mengubah lanskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

PENDAHULUAN

Geografi merupakan disiplin ilmu yang mengkaji tentang organisasi ruang dan persekitaran yang melibatkan saling kaitan dan interaksi antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam sekitar dan antara komponen alam sekitar di peringkat tempatan dan global. Seseorang itu boleh memahami bentuk fizikal dan budaya setiap tempat dan perkaitannya dengan unsur alam sekitar di permukaan bumi melalui ilmu geografi.

Kandungan KSSM Geografi bertujuan untuk melengkapkan murid dengan pengetahuan geografi, penguasaan kemahiran geografi dan pemupukan nilai bagi melahirkan warganegara yang berdaya saing, berwawasan serta berkebolehan menguruskan alam dan sumber negara secara bertanggungjawab. KSSM Geografi juga dapat meningkatkan kefahaman murid tentang alam sekitar fizikal dan manusia, memupuk semangat patriotisme serta peka terhadap fenomena alam setempat dan global. KSSM Geografi dapat dipelajari melalui Kemahiran Geografi, Geografi Fizikal, Geografi Manusia, Geografi Kawasan serta Isu dan Pengurusan Alam Sekitar.

Strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kurikulum Geografi menekankan kepada pendekatan berpusatkan murid. Pendekatan berpusatkan murid menjadikan mata pelajaran ini lebih menyeronokkan terutamanya apabila murid diberi peluang untuk mengemukakan pendapat tentang sesuatu isu atau tajuk yang dipelajari berkaitan geografi. Guru hendaklah merancang strategi PdP yang boleh menarik minat murid.

Pentaksiran dalam mata pelajaran Geografi menjadi sebahagian daripada proses pengajaran dan diharapkan dapat memperbaiki proses pembelajaran murid. Penilaian tahap kefahaman dan penguasaan murid dalam pembelajaran Geografi perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan objektif kurikulum Geografi dapat dicapai.

DSKP bagi Geografi merupakan dokumen wajib yang mesti dirujuk oleh guru semasa merancang dan mentaksir PdP. Guru hendaklah memastikan PdP mencapai standard kurikulum yang ditetapkan dalam DSKP.

MATLAMAT

KSSM Geografi bermatlamat melahirkan insan bermaklumat geografi yang berupaya berinteraksi dengan persekitaran secara berhemah ke arah kelestarian alam dan kesejahteraan hidup.

OBJEKTIF


KSSM Geografi bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Menerangkan ciri-ciri geografi negara Malaysia yang unik dan istimewa.
2. Mengenal pasti ciri fizikal, manusia dan fenomena alam di Asia Tenggara, Asia dan dunia.
3. Membincangkan kesan kegiatan manusia ke atas alam sekitar.
4. Menghubungkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan ilmu geografi.
5. Merumus data dan maklumat geografi berbentuk kuantitatif dan kualitatif.
6. Menggunakan kemahiran geografi dalam kehidupan.
7. Menjelaskan amalan sikap menghargai kualiti alam sekitar setempat, wilayah dan global.
8. Menggabungkan ilmu geografi dalam mengurus sumber dan alam sekitar secara bijaksana dan bertanggungjawab.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

KSSM dibina berasaskan enam tunjang iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Geografi digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSM.




Rajah 1: Kerangka KSSM

FOKUS

KSSM Geografi peringkat menengah rendah memberi fokus kepada penguasaan ilmu tentang bentuk dan ciri reroang serta persekitaran untuk melahirkan murid yang bersikap positif terhadap kelestarian alam sekitar.

Hasrat ini dapat dicapai dengan mempelajari lima bahagian dalam KSSM Geografi peringkat menengah rendah iaitu Kemahiran Geografi, Geografi Fizikal, Geografi Manusia, Geografi Kawasan serta Isu dan Pengurusan Alam Sekitar seperti Rajah 2.



Rajah 2: Fokus Kurikulum Geografi

Kemahiran Geografi

Kemahiran Geografi merangkumi kemahiran memerhati, mengukur, merekod, menyampaikan maklumat, membina jadual dan graf, melakar peta serta mentafsir jadual, graf dan peta. Kemahiran ini dipelajari melalui tajuk arah, kedudukan, peta, skala dan jarak, jadual, graf dan carta pai. Tajuk-tajuk dalam Kemahiran Geografi membolehkan murid mengkaji dan menghubungkaitkannya dalam organisasi ruang. Kemahiran Geografi memberi tumpuan kepada pemerolehan kemahiran menggunakan kompas, alat ukur, atlas dan glob.

Geografi Fizikal

Geografi Fizikal membincangkan tentang keadaan fizikal bumi berdasarkan tema Bentuk Muka Bumi dan Saliran, Cuaca dan Iklim serta Tumbuh-Tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar. Geografi Fizikal membolehkan murid mengetahui tentang ciri-ciri serta proses asas pembentukan permukaan dan lapisan bumi, kejadian sesuatu fenomena dan melihat sejauh mana alam sekitar fizikal bumi dipengaruhi oleh kegiatan manusia dan sebaliknya.

Geografi Manusia

Geografi Manusia mengkaji tentang corak dan kedinamikan aktiviti manusia serta hubung kaitnya dengan alam sekitar fizikal. Geografi Manusia terdiri daripada tema Penduduk dan Petempatan, Pengangkutan dan Telekomunikasi serta Sumber Semula Jadi dan Kegiatan Ekonomi.

Geografi Kawasan

Geografi Kawasan merupakan cabang geografi yang mempelajari tentang kawasan-kawasan di dunia yang mempunyai keunikan dari segi alam sekitar fizikal dan manusia. Geografi Kawasan memberi fokus kepada negara tertentu di rantau Asia Tenggara, Asia dan dunia sebagai rujukan kes.

Isu dan Pengurusan Alam Sekitar

Isu dan Pengurusan Alam Sekitar dalam kurikulum Geografi membincangkan tajuk berkaitan Sumber Air, Sisa Domestik, Pemanasan Global, Teknologi Hijau, Sumber Hutan serta Kitar Semula. Isu dan Pengurusan Alam Sekitar dapat melahirkan murid yang mencintai dan menghargai alam sekitar.

KSSM Geografi bukan sahaja dibina berdasarkan ilmu pengetahuan semata-mata tetapi mengambil kira penguasaan kemahiran dan penerapan nilai. Penguasaan kemahiran dapat melahirkan murid yang kreatif dan inovatif, berdaya saing dan berketerampilan. Kemahiran yang diberi fokus dalam KSSM Geografi adalah seperti berikut:

Kemahiran Kerja Lapangan

Kemahiran melaksanakan kerja lapangan merupakan pendekatan PdP yang dijalankan di luar bilik darjah. Kerja lapangan memberi peluang kepada murid untuk mengaplikasi kemahiran geografi secara bersepadu untuk lebih memahami interaksi antara manusia dengan alam sekitar. Kerja lapangan dapat memberi pengukuhan terhadap ilmu yang telah dipelajari dan difahami di dalam bilik darjah dengan keadaan dunia yang sebenar. Kerja lapangan mesti dilaksanakan sekali dalam setiap tingkatan. Tempoh pelaksanaannya ialah 6 jam daripada waktu yang diperuntukkan bagi PdP mata pelajaran Geografi. Kerja lapangan ini wajib dilaksanakan oleh setiap murid.

Pelaksanaan kerja lapangan boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu peringkat persediaan, pengumpulan maklumat dan pelaporan. Peringkat persediaan melibatkan prosedur,

penentuan kawasan, taklimat dan penyediaan peralatan kajian. Peringkat pengumpulan maklumat melibatkan aktiviti seperti mencerap, memerhati, menemu bual dan soal selidik. Pelaporan kerja lapangan perlu dihasilkan dalam bentuk penulisan. Panduan Kerja Lapangan disediakan untuk membantu guru membimbing murid melaksanakan kerja lapangan (sila rujuk muka surat 33).

Kemahiran Kajian Masa Depan

Kemahiran mengkaji masa depan membolehkan murid menyedari tentang isu atau fenomena alam yang berlaku pada masa lampau, masa kini dan jangkaan isu atau fenomena alam masa depan. Kemahiran ini membantu murid membuat ramalan, menjangka akibat dan bersedia menyesuaikan diri serta merancang langkah pencegahan terhadap perubahan yang mungkin berlaku.

Kemahiran Sosial

Kemahiran sosial membolehkan murid berkomunikasi dan berinteraksi secara berkesan dengan orang lain dalam situasi yang boleh diterima oleh masyarakat. Kemahiran ini juga merupakan nilai tambah yang boleh meningkatkan kebolehpasaran murid di samping dapat menyumbang ke arah keberhasilan dalam semua aspek yang diceburi. Kemahiran

sosial dapat diterapkan dalam mata pelajaran Geografi melalui temu bual untuk mendapatkan data dan maklumat semasa menjalankan kerja lapangan.

Kemahiran Berkomunikasi

Kemahiran berkomunikasi membolehkan murid memberi pandangan, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis. Murid boleh menyampaikan dan mempersembahkan maklumat tentang isu atau tajuk yang dipelajari dalam mata pelajaran Geografi.

Penerapan nilai-nilai murni serta unsur-unsur patriotisme diberi penekanan dalam KSSM Geografi. Nilai murni seperti amanah, bertanggungjawab, bersyukur, rasa bangga serta semangat patriotik boleh dipupuk dalam mata pelajaran Geografi mengikut kesesuaian tajuk. Pemupukan nilai-nilai murni serta unsur-unsur patriotisme ini diharap melahirkan murid yang dapat melestarikan alam sekitar pada masa hadapan.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam KSSM Geografi menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Pengubalan KSSM Geografi mengambil kira penyediaan murid untuk menghadapi cabaran kehidupan abad ke-21 yang semakin mencabar dalam persekitaran kerja masa kini. KSSM Geografi memberi penekanan kepada pembentukan individu berperwatakan mulia yang mampu membuat keputusan dan tindakan dengan bertanggungjawab. Dengan memiliki Kemahiran Abad Ke-21, murid akan lebih berdaya saing dan mampu menghadapi cabaran pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan murid bersedia menghadapi cabaran ini, mereka hendaklah memiliki ciri-ciri profil seperti Jadual 1.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif, mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu.
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan

PROFIL MURID	PENERANGAN
	oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baharu. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika atau undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

KBAT dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam PdP bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul serta strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan kerja projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Strategi PdP mata pelajaran Geografi yang berkesan dapat mewujudkan situasi PdP yang menyeronokkan di dalam dan luar bilik darjah. Penggabungan kepelbagaian strategi PdP membolehkan murid memahami kandungan mata pelajaran Geografi. Terdapat pelbagai strategi PdP yang boleh dilaksanakan oleh guru untuk membantu murid menguasai KSSM Geografi. Antara strategi PdP yang diberi penekanan adalah seperti berikut:

Berpusatkan Murid

Penggunaan pelbagai strategi PdP yang melibatkan murid secara aktif perlu untuk menjamin perkembangan potensi dan kebolehan murid. Kepelbagaian teknik dan kaedah PdP mata pelajaran Geografi seperti kerja berkumpulan, perbincangan, inkuiri, kerja luar dan penyelesaian masalah dapat memberi peluang kepada murid memahami apa yang dipelajari dengan lebih jelas dan mudah. Murid hendaklah dilibatkan secara aktif dalam proses pembelajaran bermula dari mencari maklumat, membina kefahaman hingga membuat refleksi pembelajaran.

Strategi PdP yang berpusatkan murid ini dapat memberi peluang kepada murid untuk melahirkan pendapat sendiri, membina sikap sentiasa mencari ilmu dan belajar sepanjang hayat. Guru pula hendaklah berperanan sebagai pemudah cara dalam proses PdP. Guru perlu menggunakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian bagi mewujudkan suasana PdP yang menyeronokkan dan berkesan.

Pendekatan Bersepadu

Pendekatan bersepadu merupakan satu strategi yang penting untuk menjalin dan mengadunkan unsur-unsur ilmu, kemahiran, bahasa, nilai-nilai murni dan unsur-unsur patriotisme. Melalui pendekatan ini perkembangan kemahiran berfikir, kemahiran generik dan kemahiran belajar diberi penekanan. Pengetahuan dan kemahiran daripada mata pelajaran lain serta pengalaman hidup juga perlu dihubungkan dalam proses PdP mata pelajaran Geografi.

Pembelajaran Berasaskan Kerja Projek

Pembelajaran berasaskan kerja projek merupakan satu pendekatan PdP yang melibatkan murid mengkaji secara mendalam sesuatu isu, menyiasat isu tersebut dan

menghasilkan sesuatu produk. Produk pembelajaran berasaskan kerja projek boleh dalam bentuk laporan, persembahan atau hasil kerja tangan. Pengalaman pembelajaran murid dalam mata pelajaran Geografi tidak terhad di dalam bilik darjah sahaja tetapi melangkaui pengalaman di lapangan.

Salah satu pembelajaran berasaskan kerja projek dalam mata pelajaran Geografi yang mesti dilaksanakan oleh murid ialah kerja lapangan. Kerja lapangan membolehkan murid mengaplikasi konsep-konsep geografi yang dipelajari di dalam bilik darjah dengan situasi sebenar. Melalui pelaksanaan pembelajaran berasaskan kerja projek, murid bukan sahaja dapat mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran mata pelajaran Geografi malah dapat memupuk semangat bekerjasama, yakin untuk memberi pendapat serta pandangan dan berupaya untuk menjadi seorang pemimpin.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri adalah proses pembelajaran secara konstruktif yang memerlukan murid berdikari untuk mencari maklumat berdasarkan sesuatu tajuk atau isu dalam mata pelajaran Geografi melalui penerokaan dan penyiasatan. Pembelajaran berasaskan inkuiri dapat meningkatkan rasa

ingin tahu murid dan memotivasikan mereka untuk membuat tugas sehingga mendapat jawapan. Murid akan terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran manakala guru berperanan hanya sebagai pemudah cara.

Pembelajaran berasaskan inkuiri sangat digalakkan dalam proses PdP mata pelajaran Geografi. Antara kaedah dan teknik yang boleh digunakan termasuk aktiviti berkumpulan, pembelajaran luar bilik darjah, simulasi, kuiz, penyelesaian masalah, pameran, perbincangan dan kerja projek. Pengalaman pembelajaran seperti ini dapat memberi peluang kepada murid untuk meneroka sendiri dan membuat rumusan tentang sesuatu perkara yang dipelajari dalam mata pelajaran Geografi.

Pembelajaran Secara Koperatif

Pembelajaran secara koperatif memerlukan murid daripada pelbagai kebolehan bekerjasama dalam kumpulan untuk mencapai matlamat yang sama. Pembelajaran koperatif menggalakkan murid berinteraksi secara aktif dan positif dalam kumpulan serta membolehkan perkongsian idea dapat dilaksanakan secara bersama-sama. Dalam mata pelajaran Geografi, guru boleh menggalakkan murid bekerjasama melalui perbincangan, pencarian maklumat, mengolah

dapatan dan mempersembahkan idea secara berkumpulan berdasarkan tugas yang diberi.

Pengajaran Tematik

Kaedah pengajaran tematik merupakan suatu kaedah pengajaran yang menggunakan tema untuk perbincangan. Semasa PdP mata pelajaran Geografi, tema yang berkaitan boleh dibahagikan kepada tajuk atau subtajuk untuk dibincangkan oleh murid dalam kumpulan masing-masing.

Pendekatan serta strategi PdP yang lain seperti pembelajaran masteri, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran konstruktivisme dan sebagainya boleh juga dilaksanakan mengikut keperluan dan kesesuaian.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam SK. Elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.

- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dapat membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian sains dan teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:

- (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
- (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
- (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cinta akan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.

- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik

dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.

- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperoleh melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN SEKOLAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan sama ada secara formal atau tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang diperoleh dari PS akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

PS boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PS, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan DSKP.

Guru boleh mentadbir dan menjalankan pentaksiran formatif sebelum, semasa dan selepas PdP. Melalui pentaksiran formatif, guru hendaklah merancang PdP berdasarkan kelompok SK dan SP. SK dan SP yang telah dipelajari boleh dinilai melalui kaedah pemerhatian, lisan dan penulisan. Kaedah-kaedah tersebut saling melengkapi antara satu sama lain bagi mendapatkan maklumat berkaitan kebolehan, perkembangan dan kemajuan murid dalam setiap SK dan SP yang telah dipelajari.

Guru boleh menentukan tahap penguasaan murid dengan merujuk kepada Standard Prestasi (SPi) yang disediakan bagi setiap kelompok. Perekodan tahap penguasaan murid hanya boleh dibuat setelah PdP bagi setiap kelompok SK dan SP selesai dilaksanakan. Bagi menentukan tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran Geografi secara keseluruhan, guru boleh merujuk kepada pernyataan tahap penguasaan umum mata pelajaran Geografi sebagai panduan seperti Jadual 3. Guru boleh menentukan tahap penguasaan murid melalui pemerhatian terhadap perubahan tingkah laku dan respons serta pemeriksaan hasil kerja murid sama ada sebelum, semasa atau selepas PdP. Guru boleh membuat

pertimbangan profesional untuk menentukan tahap penguasaan keseluruhan murid berdasarkan pengalaman bersama-sama murid, kebijaksanaan guru serta melalui perbincangan rakan sejawat.

Manakala melalui pentaksiran sumatif, guru boleh membina item pentaksiran berdasarkan SK dan SP yang telah ditentukan. Instrumen pentaksiran sumatif boleh dibina sama ada dalam bentuk soalan objektif atau subjektif. Guru perlu merekod tahap penguasaan murid untuk mengetahui perkembangan dan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Geografi. Pelaporan perlu dilaksanakan oleh guru untuk membolehkan murid, pihak sekolah dan ibu bapa mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.

Jadual 3: Pernyataan Tahap Penguasaan Umum Mata Pelajaran Geografi

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui perkara asas tentang pengetahuan dan kemahiran geografi yang dipelajari serta bersikap positif terhadap alam sekitar.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2	Memahami perkara asas tentang pengetahuan dan kemahiran geografi yang dipelajari serta bersikap positif terhadap alam sekitar.
3	Menggunakan pengetahuan dan kemahiran geografi yang dipelajari pada suatu situasi serta bersikap positif terhadap alam sekitar.
4	Menguasai pengetahuan dan kemahiran geografi yang dipelajari pada suatu situasi secara sistematik serta bersikap positif terhadap alam sekitar.
5	Membuat penilaian tentang pengetahuan dan kemahiran geografi yang dipelajari pada situasi baharu mengikut prosedur, sistematik, tekal dan bersikap positif terhadap alam sekitar.
6	Menghasilkan idea yang kreatif, inovatif dan boleh dicontohi serta bersikap positif terhadap alam sekitar berdasarkan pengetahuan dan kemahiran geografi yang dipelajari untuk digunakan pada situasi baharu.

ORGANISASI KANDUNGAN

Organisasi KSSM Geografi dinyatakan dalam SK, SP dan SPi seperti Jadual 4. Setiap tajuk yang terdapat dalam SK diterjemahkan melalui SP. Guru perlu merujuk semua maklumat yang terdapat dalam SK dan SP untuk mengetahui tumpuan, kedalaman dan keluasan sesuatu tema atau tajuk dalam KSSM Geografi. Murid perlu memahami setiap SP bagi memastikan mereka dapat menguasai SK. Manakala SPi mengandungi tahap-tahap penguasaan yang perlu dikuasai oleh murid. Selain itu, terdapat juga lajur catatan yang mengandungi cadangan aktiviti PdP. Guru boleh melaksanakan aktiviti tambahan selain daripada yang dicadangkan mengikut kreativiti dan keperluan untuk mencapai SP.

Pelaksanaan bagi mata pelajaran Geografi adalah mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas yang berkuatkuasa sekarang. Peruntukan masa minimum bagi pelaksanaan PdP mata pelajaran Geografi KSSM menengah rendah adalah 48 jam setahun.

Jadual 4: Organisasi Kandungan

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid .

KSSM Geografi disusun mengikut tajuk yang berkaitan dengan Kemahiran Geografi, Geografi Fizikal, Geografi Manusia, Geografi Kawasan serta Isu dan Pengurusan Alam Sekitar. Berikut adalah tajuk yang terdapat dalam SK kurikulum Geografi bagi Tingkatan 3:

Kemahiran Geografi

- Jadual dan Graf
- Carta Pai

Geografi Fizikal

Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar

- Pengaruh Persekitaran Fizikal Terhadap Kepelbagaian Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar
- Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi di Malaysia
- Hidupan Liar di Malaysia

Geografi Manusia

Sumber Semula Jadi dan Kegiatan Ekonomi

- Sumber Semula Jadi di Malaysia
- Kegiatan Ekonomi di Malaysia

Geografi Kawasan

Dunia

- Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar di Dunia
- Sumber Semula Jadi dan Kegiatan Ekonomi di Dunia

Isu dan Pengurusan Alam Sekitar

- Sumber Hutan
- Kitar Semula

1.0 KEMAHIRAN GEOGRAFI

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1.1 Jadual dan Graf	Murid boleh:	1	Menyatakan jadual dan graf.	Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> • Membincangkan pelbagai kaedah mengumpul data untuk membina jadual. • Menyediakan jadual. • Menyediakan pelbagai graf. • Menggunakan TMK untuk membina jadual dan melukis graf. • Menunjuk cara mentafsir jadual dan pelbagai graf.
	1.1.1 Menerangkan ciri serta kegunaan jadual dan graf.	2	Menjelaskan ciri serta kegunaan jadual dan graf.	
	1.1.2 Menjelaskan dengan contoh graf bar mudah, graf garisan mudah dan graf gabungan.	3	Membina jadual dan graf berdasarkan maklumat yang diberi.	
	1.1.3 Membina jadual berdasarkan maklumat yang diperoleh.	4	Mentafsir jadual dan graf yang dibina berdasarkan maklumat yang diberi.	
	1.1.4 Membina graf bar mudah, graf garisan mudah dan graf gabungan berdasarkan jadual.	5	Memilih graf yang sesuai untuk dibina berdasarkan maklumat yang diperoleh.	
	1.1.5 Mentafsir jadual, graf bar mudah, graf garisan mudah dan graf gabungan.	6	Merumuskan pelbagai graf yang telah dihasilkan.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1.2 Carta Pai	Murid boleh: 1.2.1 Menerangkan ciri dan kegunaan carta pai. 1.2.2 Membina carta pai berdasarkan jadual. 1.2.3 Mentafsir carta pai.	1	Menyatakan carta pai.	Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> • Menunjuk cara teknik membina carta pai. • Menggunakan TMK untuk membina carta pai. • Menunjuk cara mentafsir carta pai.
		2	Menjelaskan ciri dan kegunaan carta pai.	
		3	Membina carta pai berdasarkan maklumat yang diberi.	
		4	Mentafsir carta pai yang dibina berdasarkan maklumat yang diberi.	
		5	Memilih maklumat dan membina carta pai.	
		6	Merumuskan carta pai yang telah dihasilkan.	

2.0 GEOGRAFI FIZIKAL: TUMBUH-TUMBUHAN SEMULA JADI DAN HIDUPAN LIAR

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.1 Pengaruh Persekitaran Fizikal Terhadap Kepelbagaian Tumbuh-Tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Mengkaji isu berkaitan kepupusan tumbuh-tumbuhan semula jadi atau pemerdagangan hidupan liar atau penyeludupan hidupan liar. Menghasilkan buku skrap tentang pengaruh persekitaran terhadap tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.
	2.1.1 Mengenal pasti faktor persekitaran fizikal yang mempengaruhi kepelbagaian tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.	1	Menyatakan faktor persekitaran fizikal yang mempengaruhi tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.	
	2.1.2 Menghuraikan faktor bentuk muka bumi, saliran, tanah dan iklim yang mempengaruhi kepelbagaian tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.	2	Menjelaskan faktor persekitaran fizikal yang mempengaruhi tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.	
	2.1.3 Menganalisis pengaruh bentuk muka bumi, saliran dan tanah terhadap jenis tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.	3	Menghubung kait tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar dengan faktor persekitaran fizikal.	
	2.1.4 Menganalisis pengaruh iklim terhadap jenis tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.	4	Membandingkan faktor persekitaran fizikal yang mempengaruhi tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.	
		5	Membuat justifikasi pengaruh persekitaran fizikal terhadap tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.	
		6	Merumuskan pengaruh persekitaran terhadap tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar dengan idea yang kreatif dan kritis.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.2 Tumbuh-Tumbuhan Semula Jadi di Malaysia	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> • Perbahasan tentang potensi tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia. • Menghasilkan buku skrap atau video pendek atau persembahan <i>power point</i> berkaitan tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.
	2.2.1 Mengenal pasti jenis dan taburan tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.	1	Menyatakan jenis tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.	
	2.2.2 Menghuraikan faktor yang mempengaruhi jenis dan taburan tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.	2	Menjelaskan jenis dan taburan tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.	
	2.2.3 Menjelaskan melalui contoh kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.	3	Menghubung kait faktor yang mempengaruhi jenis dan taburan tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.	
	2.2.4 Merumuskan kesan kegiatan manusia terhadap tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.	4	Membandingkan kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.	
		5	Membahaskan kegiatan manusia yang mengancam tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.	
		6	Mencadangkan idea yang kreatif, inovatif dan boleh dicontohi tentang potensi tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.3 Hidupan Liar di Malaysia	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> • Menghasilkan poster berkaitan hidupan liar di Malaysia. • Mencipta puisi tentang hidupan liar di Malaysia. • Menghasilkan buku skrap berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar di Malaysia.
	2.3.1 Mengenal pasti hidupan liar di Malaysia.	1	Menyenaraikan hidupan liar di Malaysia.	
	2.3.2 Menghuraikan kepentingan hidupan liar di Malaysia.	2	Menjelaskan kepentingan hidupan liar di Malaysia.	
	2.3.3 Membahaskan kegiatan manusia yang mengancam hidupan liar di Malaysia.	3	Menghubung kait kegiatan manusia dengan contoh hidupan liar yang diancam kepupusan di Malaysia.	
	2.3.4 Menjelaskan melalui contoh usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar di Malaysia.	4	Menghuraikan kegiatan manusia yang mengancam hidupan liar di Malaysia.	
		5	Membahaskan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar di Malaysia.	
		6	Menghasilkan idea yang kreatif, inovatif dan boleh dicontohi tentang pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar di Malaysia.	

3.0 GEOGRAFI MANUSIA: SUMBER SEMULA JADI DAN KEGIATAN EKONOMI

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.1 Sumber Semula Jadi di Malaysia	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan laporan ringkas tentang kepentingan sumber semula jadi di Malaysia. Mereka cipta model mini tentang sumber semula jadi.
	3.1.1 Menamakan sumber semula jadi di Malaysia.	1	Menyatakan sumber semula jadi di Malaysia.	
	3.1.2 Mengenal pasti taburan sumber boleh baharu dan sumber tidak boleh baharu di Malaysia.	2	Menerangkan sumber boleh baharu dan sumber tidak boleh baharu.	
	3.1.3 Menghuraikan sumber boleh baharu dan sumber tidak boleh baharu di Malaysia.	3	Menjelaskan dengan contoh taburan sumber boleh baharu dan sumber tidak boleh baharu di atas peta Malaysia.	
	3.1.4 Merumuskan kepentingan sumber semula jadi dalam pembangunan ekonomi di Malaysia.	4	Menghuraikan kepentingan sumber semula jadi dalam pembangunan ekonomi di Malaysia.	
		5	Membahaskan penggunaan sumber boleh baharu dalam pembangunan ekonomi di Malaysia.	
	6	Mencadangkan potensi sumber semula jadi dalam pembangunan setempat.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.2 Kegiatan Ekonomi di Malaysia	Murid boleh: 3.2.1 Menjelaskan jenis kegiatan ekonomi primer, sekunder dan tertier di Malaysia. 3.2.2 Menjelaskan dengan contoh taburan kegiatan ekonomi utama di Malaysia. 3.2.3 Menghuraikan faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi di Malaysia. 3.2.4 Membahaskan kepentingan kegiatan ekonomi di Malaysia.	1	Menamakan kegiatan ekonomi di Malaysia.	Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Mengadakan aktiviti kuiz tentang kegiatan ekonomi di Malaysia. Sumbang saran tentang kepentingan kegiatan ekonomi terhadap pembangunan ekonomi di Malaysia.
		2	Menjelaskan jenis kegiatan ekonomi primer, sekunder dan tertier di Malaysia.	
		3	Menghubung kait kegiatan ekonomi dengan faktor yang mempengaruhinya di Malaysia.	
		4	Menghuraikan kepentingan kegiatan ekonomi di Malaysia.	
		5	Membahaskan faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi di Malaysia.	
		6	Mencadangkan potensi pembangunan kegiatan ekonomi di kawasan setempat.	

4.0 GEOGRAFI KAWASAN: DUNIA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
4.1 Tumbuh-Tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar di Dunia	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan risalah atau buletin atau poster berkaitan kepelbagaian tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar dunia. Menghasilkan peta pemikiran tentang kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di dunia.
	4.1.1 Mengenal pasti tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di Gurun Panas, Hutan Monsun Tropika, Hutan Daun Luruh Sederhana dan Hutan Konifer.	1	Menamakan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di dunia.	
		2	Memberi contoh tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di Gurun Panas, Hutan Monsun Tropika, Hutan Daun Luruh Sederhana dan Hutan Konifer.	
	4.1.2 Menjelaskan melalui contoh ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di Gurun Panas, Hutan Monsun Tropika, Hutan Daun Luruh Sederhana dan Hutan Konifer.	3	Mengelaskan ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di Gurun Panas, Hutan Monsun Tropika, Hutan Daun Luruh Sederhana dan Hutan Konifer.	
		4	Membandingkan kepelbagaian tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di Gurun Panas, Hutan Monsun Tropika, Hutan Daun Luruh Sederhana dan Hutan Konifer.	
	4.1.3 Merumuskan kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di Gurun Panas, Hutan Monsun Tropika, Hutan Daun Luruh Sederhana dan Hutan Konifer.	5	Membahaskan kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di kawasan hutan dunia.	
	6	Menghasilkan karya kreatif tentang kepelbagaian tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar dunia.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
4.2 Sumber Semula Jadi Utama dan Kerjasama Ekonomi di Dunia	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan laporan ringkas berkaitan krisis tenaga dunia. Mengadakan aktiviti kumpulan untuk mengumpul maklumat taburan sumber semula jadi utama di dunia. Mengadakan aktiviti kumpulan untuk mengumpul maklumat tentang kerjasama ekonomi pelbagai negara daripada bahan bercetak dan juga internet.
	4.2.1 Mengenal pasti sumber semula jadi utama di dunia.	1	Menyatakan sumber semula jadi utama di dunia.	
	4.2.2 Menjelaskan taburan sumber semula jadi utama di dunia.	2	Memberi contoh taburan sumber semula jadi utama di dunia.	
	4.2.3 Menghuraikan krisis sumber semula jadi di dunia.	3	Menjelaskan dengan contoh sumber semula jadi yang menghadapi krisis di dunia.	
	4.2.4 Menjelaskan melalui contoh kerjasama ekonomi antarabangsa berkaitan sumber semula jadi.	4	Menghuraikan kepentingan kerjasama ekonomi antarabangsa.	
	4.2.5 Merumuskan kepentingan kerjasama ekonomi antarabangsa.	5	Membahaskan kepentingan kerjasama ekonomi antara negara berkaitan sumber semula jadi.	
		6	Menghasilkan karya yang kreatif dan kritis tentang krisis tenaga atau kerjasama ekonomi antarabangsa.	

5.0 ISU DAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
5.1 Sumber Hutan	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan laporan ringkas atau persembahan <i>power point</i> tentang Taman Negara di Pahang, Tapak RAMSAR di Tasik Bera, Geopark Kilim di Langkawi, Taman Negara Kinabalu di Sabah dan Taman Negara Bako di Sarawak. Mengadakan tayangan video tentang sumber hutan.
	5.1.1 Menjelaskan sumber hutan.	1	Menyatakan sumber hutan.	
	5.1.2 Menghuraikan kepentingan pengurusan sumber hutan.	2	Menerangkan kepentingan pengurusan sumber hutan.	
	5.1.3 Menjelaskan melalui contoh usaha pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan.	3	Menghubung kait peranan agensi yang berkaitan dengan pengurusan sumber hutan di Malaysia dengan usaha yang dijalankan.	
	5.1.4 Membezakan peranan agensi yang berkaitan dengan pengurusan hutan di Malaysia.	4	Menjelaskan melalui contoh peranan agensi yang berkaitan dengan pengurusan hutan di Malaysia.	
		5	Membahaskan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan di Malaysia.	
6	Menghasilkan karya kreatif tentang kawasan taman negara atau hutan simpan atau Geopark atau pusat lindungan hidupan liar.			

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
5.2 Kitar Semula	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan model kitar semula. Mengadakan pertandingan menghasilkan alat atau idea berkaitan kitar semula. Aktiviti menghasilkan baja kompos di sekolah.
	5.2.1 Menerangkan elemen kitar semula (3R- <i>Reduce, Reuse</i> dan <i>Recycle</i>).	1	Menamakan elemen dalam 3R.	
	5.2.2 Menghuraikan kepentingan amalan kitar semula.	2	Menjelaskan elemen dalam 3R.	
	5.2.3 Menjelaskan melalui contoh aktiviti kitar semula.	3	Menerangkan amalan 3R dalam kehidupan.	
	5.2.4 Membandingkan amalan kitar semula di negara lain.	4	Membandingkan amalan 3R di Malaysia dan negara lain.	
		5	Membahaskan amalan 3R dalam memelihara alam sekitar.	
	6	Menghasilkan alat yang kreatif dan inovatif daripada bahan kitar semula atau mempersembahkan idea tentang kitar semula.		

PANDUAN KERJA LAPANGAN

PENDAHULUAN

Kerja lapangan merupakan salah satu komponen yang sangat penting dalam kurikulum Geografi. Kerja lapangan dapat mengukuhkan lagi PdP di dalam bilik darjah dan dapat memberi peluang kepada murid untuk mengembangkan idea serta mempraktikkan kemahiran geografi yang dipelajari.

Kerja lapangan adalah berdasarkan pengetahuan dan kemahiran kurikulum Geografi yang telah dipelajari daripada bahagian Kemahiran Geografi, Geografi Fizikal, Geografi Manusia, Geografi Kawasan serta Isu dan Pengurusan Alam Sekitar. Kemahiran seperti Kemahiran Abad Ke-21, KBAT, kemahiran mentafsir, kemahiran kajian masa depan, kemahiran sosial, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran TMK dapat disemai melalui pelaksanaan kerja lapangan. Kerja lapangan wajib dilaksanakan oleh murid sekali di setiap tingkatan.

Panduan Kerja Lapangan yang disediakan ini diharap dapat membantu guru untuk merancang pelaksanaan kerja lapangan dengan lebih mudah, teratur dan sistematik.


OBJEKTIF

Kerja lapangan dilaksanakan bagi membolehkan murid:

1. Memberi pendapat atau idea secara kritis dan kreatif.
2. Menghuraikan saling kaitan antara manusia dengan alam sekitar di lapangan.
3. Mengenal pasti masalah atau isu yang berkaitan geografi di lapangan.
4. Mencadangkan langkah-langkah untuk mengurangkan masalah atau isu yang berkaitan.
5. Mengaplikasi kemahiran geografi yang telah dipelajari.
6. Mensyukuri, mencintai dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.
7. Menjalankan tugas mengikut prosedur.

PROSES MELAKSANAKAN KERJA LAPANGAN

Pelaksanaan kerja lapangan boleh dilaksanakan mengikut proses seperti Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Proses Kerja Lapangan

Memilih Isu atau Tajuk

Guru berbincang dengan murid untuk memilih isu atau tajuk berkaitan kerja lapangan. Isu atau tajuk yang dipilih hendaklah berkaitan dalam kurikulum geografi yang dipelajari. Murid juga diberi peluang untuk memilih isu atau tajuk yang sesuai untuk melaksanakan kerja lapangan.

Menentukan Objektif

Murid hendaklah menentukan objektif kajian yang hendak dilaksanakan dalam kerja lapangan. Guru membimbing murid menulis objektif kajian.

Menentukan Kaedah Kajian

Murid memilih kaedah kajian yang sesuai untuk melaksanakan kerja lapangan. Murid boleh menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif.

Merekod, Mengumpul dan Menganalisis Data atau Maklumat

Murid boleh merekod dan mengumpul data atau maklumat melalui soal selidik, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen (Lampiran 1). Data atau maklumat yang dikumpul hendaklah dianalisis.

Merumus dan Membuat Pelaporan

Murid hendaklah membuat rumusan kepada isu atau tajuk yang dikaji berdasarkan data atau maklumat yang diperolehi. Satu laporan kerja lapangan hendaklah dihasilkan oleh murid dan perlu ditaksir oleh guru.

PANDUAN MELAKSANAKAN KERJA LAPANGAN

Sebelum melaksanakan kerja lapangan beberapa panduan perlu diikuti oleh guru dan murid.

Panduan Guru.

1. Bahagian Kemahiran Geografi hendaklah diajar dahulu oleh guru sebelum kerja lapangan dimulakan.
2. Menyediakan surat makluman dan kebenaran pelaksanaan kerja lapangan kepada ibu bapa atau penjaga (Lampiran 2).
3. Menyediakan surat akuan diri murid (Lampiran 3).
4. Menyediakan surat kebenaran berada di kawasan lapangan (jika perlu).
5. Menyediakan borang keaslian kajian (Lampiran 4).
6. Menentukan tajuk atau isu kajian yang sesuai.
7. Membimbing murid untuk menyediakan borang soal selidik, pemerhatian dan temu bual.
8. Mengadakan taklimat keselamatan semasa menjalankan kerja lapangan.
9. Kerja lapangan dilaksanakan selama 6 jam daripada waktu yang diperuntukkan bagi PdP mata pelajaran Geografi.
10. Pengumpulan data dan maklumat boleh dibuat di luar waktu persekolahan.
11. Penulisan kerja lapangan hendaklah dibuat di dalam bilik darjah.
12. Proses menilai hasil kerja murid dilakukan di peringkat perancangan, proses awal dan laporan akhir dengan merujuk kepada kriteria dan proses kerja yang disediakan (Jadual 1).

Jadual 1: Kriteria dan Proses Kerja

KRITERIA	PROSES KERJA
Perancangan	<ul style="list-style-type: none"> • Jadual kerja • Pengagihan kerja • Objektif kajian • Penentuan kaedah kajian
Proses awal	Mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber dengan menggunakan kaedah yang sesuai.
Laporan akhir	<ul style="list-style-type: none"> • Grafik • Tafsiran konsep • Isi utama, huraian atau contoh

Panduan Murid

1. Berbincang dengan guru untuk memilih tajuk tugas dan kawasan lapangan.
2. Menyediakan jadual kerja dengan bimbingan guru.
3. Membawa surat kebenaran dan akuan diri semasa menjalankan kerja lapangan.
4. Menjalankan kerja lapangan secara berkumpulan atau individu.
5. Mencari dan mengumpul maklumat kawasan lapangan selepas waktu persekolahan.
6. Menggunakan pelbagai bahan media bercetak dan elektronik yang sesuai untuk mencari dan mengumpul maklumat.
7. Menghasilkan penulisan yang jelas bagi menunjukkan saling kaitan antara maklumat dengan tajuk kajian secara sistematik.
8. Menyertakan foto, gambar, rajah atau grafik yang berkaitan untuk menyokong hasil kajian di kawasan kajian.
9. Petikan dan grafik dari mana-mana bahan rujukan perlu ditulis sumber rujukan dengan format yang betul.
10. Kerja lapangan dilaksanakan selama 6 jam daripada waktu yang diperuntukkan bagi PdP mata pelajaran Geografi.
11. Penulisan pelaporan dijalankan di dalam bilik darjah pada waktu PdP.
12. Penulisan perlulah menunjukkan keaslian dan plagiat adalah dilarang.

PENILAIAN KERJA LAPANGAN

Bagi menentukan Tahap Penguasaan murid dalam kerja lapangan, guru boleh merujuk kepada tafsiran seperti Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Tahap Penguasaan Kerja Lapangan

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyediakan perancangan, proses awal dan laporan akhir yang tidak lengkap.
2	Menyediakan perancangan, proses awal dan laporan akhir yang kurang lengkap.
3	Menyediakan perancangan, proses awal, laporan akhir yang lengkap dan tidak tersusun.
4	Menyediakan perancangan, proses awal dan laporan akhir yang lengkap dan tersusun.
5	Menyediakan perancangan, proses awal dan laporan akhir yang lengkap, tepat, tersusun dan realistik.
6	Menyediakan perancangan, proses awal dan laporan akhir yang lengkap, tepat, tersusun dan realistik serta menunjukkan keaslian serta boleh dicontohi.

PENULISAN LAPORAN KERJA LAPANGAN

Penulisan laporan kerja lapangan hendaklah dibuat mengikut kriteria berikut:

1. Kertas bersaiz A4.
2. Format asas penulisan laporan hendaklah mengandungi perkara berikut:
 - (i) Tajuk kajian di muka depan laporan.
 - (ii) Senarai Kandungan (Jadual 3).

Jadual 3: Senarai Kandungan

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	Penghargaan	
2.	Pendahuluan	
3.	Objektif kajian	
4.	Kawasan kajian	
5.	Kaedah kajian	
6.	Hasil kajian	
7.	Rumusan	
8.	Rujukan	

LAMPIRAN 1**Kaedah Pengumpulan Data**

Pengumpulan data atau maklumat kerja lapangan boleh dilaksanakan melalui kaedah seperti berikut:

1. Pemerhatian

- a. Memerhati ciri-ciri fizikal di kawasan kerja lapangan seperti bentuk muka bumi, keadaan cuaca dan tumbuh-tumbuhan semula jadi.
- b. Memerhati ciri-ciri budaya di kawasan kerja lapangan seperti penduduk dan petempatan, pengangkutan dan telekomunikasi serta sumber semula jadi dan kegiatan ekonomi.
- c. Memerhati kaitan antara ciri-ciri fizikal dan budaya di kawasan kerja lapangan.

Contoh:

- (i) Perkaitan antara bentuk muka bumi dan saliran dengan penduduk dan petempatan.
- (ii) Perkaitan antara cuaca dan iklim dengan isu alam sekitar.
- (iii) Perkaitan antara bentuk muka bumi dengan pengangkutan.

- d. Menyertakan bukti pemerhatian seperti foto, gambar atau lakaran.
- e. Melampirkan catatan pemerhatian yang lengkap.

2. Temu Bual

- a. Menemu bual sampel yang dipilih.
- b. Bilangan sampel sekurang-kurangnya 3 orang.
- c. Guru membimbing murid untuk membina soalan yang berkaitan dengan tajuk kerja lapangan yang dipilih.
- d. Melampirkan borang temu bual yang telah lengkap diisi.

3. Soal Selidik

- a. Soalan bagi soal selidik perlu disediakan terlebih dahulu dengan bimbingan guru.
- b. Jumlah soalan bergantung kepada objektif kajian.
- c. Bilangan sampel tidak kurang daripada 10 orang.

- d. Soalan-soalan hendaklah mempunyai pilihan jawapan yang sesuai.

Contoh:

Tema: Kegiatan Ekonomi

Arahan: Sila bulatkan jawapan.

1. Jenis Pekerjaan:

- a) Kerja sendiri
- b) Kakitangan kerajaan
- c) Swasta

2. Pendapatan sebulan:

- a) Kurang RM1000.00
- b) RM1001.00 – RM3000.00
- c) Lebih RM3001.00

4. Sumber Rujukan

- a. Sumber rujukan boleh didapati daripada:

- (i) Penyelidikan perpustakaan
(Buku, majalah, jurnal dan sebagainya)
- (ii) Pelbagai media elektronik
- (iii) Agensi kerajaan
- (iv) Agensi swasta
- (v) Orang sumber

- b. Sumber rujukan yang digunakan hendaklah berkaitan dengan aspek kerja lapangan.

- c. Contoh cara menulis rujukan:

(i) Buku

Baerwald, T.j. C Fraser, 2003. *World Geography: Building A Global Perspective*. New York: Dorling Kindersley Limited.

Sham Sani, 1995. *Iklm Mikro*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

(ii) Jurnal

Ibrahim Komoo, Mazlin Mokhtar dan Sarah Aziz. "Pengenalan : Geopark dan Pembangunan Lestari Wilayah". dalam *Akademika*. Bil 80, 2010.

Ahmad Fariz Mohamed, Abdul Samad Hadi, Shahrudin Idrus, Muhammad Rizal Razman, Abdul Hadi Harman Shah. "Pengembalian Sisa Sebagai Sumber Proses Metabolisme Untuk Kelestarian Bandar Malaysia". dalam *Malaysian Journal of Environmental Management*, Bil.12, 2011.

(iii) Ensiklopedia

Tajuk, jilid dan tahun.

(iv) Akhbar

Berita Harian, 4 Mei 2015, halaman 6.

(v) Orang Sumber

Encik Zainal bin Kassim, 55 tahun,
No 32, Jalan P11 A5/2, Presint 11,
62300 Putrajaya.

Puan Kamariah binti Abdullah, 52 tahun,
No 43, Jalan Harmoni 2/5, Taman
Harmoni, Bandar Teknologi Kajang,
43500 Semenyih, Selangor.

(vi) Melawat Tempat Kajian

Jabatan Alam Sekitar
Aras 1-4, Podium 2-3,
No 25. Wisma Sumber Asli,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 Putrajaya.

LAMPIRAN 2

Contoh Surat Makluman Kepada Ibu Bapa/Penjaga

Nama sekolah

Alamat sekolah

Rujukan Kami :

Tarikh :

Kepada,

Ibu/Bapa/Penjaga

Tuan/Puan,

KERJA LAPANGAN MATA PELAJARAN GEOGRAFI

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Semua murid Tingkatan sekolah ini akan terlibat dalam kerja lapangan mata pelajaran Geografi bagi memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Hasil kerja lapangan ini merupakan sebahagian daripada pentaksiran sekolah. Bagi tujuan ini, semua murid akan menjalankan kerja lapangan di luar waktu persekolahan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

4. Dimaklumkan juga bahawa kerja lapangan akan dijalankan pada *.....

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....

(Nama Pengetua dan Cop Sekolah)

*Tarikh dan masa mengikut ketetapan sekolah.

(Keratan Jawapan)

Saya No. Kad Pengenalan ibu/bapa/penjaga kepada murid bernama Tingkatan membenarkan / tidak membenarkan anak di bawah jagaan saya menjalankan kerja lapangan pada tarikh tersebut.

Tanda tangan

Nombor telefon.

LAMPIRAN 3

Contoh Surat Akuan Diri Murid

Nama sekolah

Alamat sekolah

Rujukan Kami :
Tarikh :

Kepada sesiapa yang berkenaan.

Tuan/Puan,

KERJA LAPANGAN MATA PELAJARAN GEOGRAFI

Pembawa surat ini

.....

No.Kad Pengenalan ialah seorang murid
Tingkatan di Sekolah Menengah Kebangsaan
..... Murid ini sedang
melaksanakan kerja lapangan KSSM Geografi.

2. Sehubungan dengan itu, pihak kami berbesar hati jika
pihak tuan/puan dapat memberi kerjasama kepada murid ini
untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

3. Kerjasama dan bantuan tuan/puan didahului dengan
ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....
(Nama Pengetua dan Cop Sekolah)

LAMPIRAN 4***Contoh Surat Perakuan Murid Tentang Keaslian Kajian***

Saya memperakui bahawa kajian bertajuk

.....
ini ialah hasil kerja saya sendiri melainkan petikan, grafik,
gambar dan rajah yang dinyatakan sumber rujukannya.

Saya dengan ini mengaku bahawa kajian ini adalah asli. Saya
ialah satu-satunya penulis kajian ini.

Yang benar,

.....
()

Disahkan oleh,

.....
()

Tarikh:

PANEL PENGGUBAL

1. Dr. Kashry bin Ab. Rani Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya
2. Mhd Shafiee bin Abd. Ghani Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya
3. Norlei binti Ismail Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya
4. Norhaziruldin bin Ibrahim Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya
5. Muhamad Zuraidi bin Abd Jalal Bahagian Buku Teks, Putrajaya
6. Dr. Mazdi bin Marzuki Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak
7. Dr. Mohmadisa bin Hashim Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak
8. Sallina binti Ujang SMK Agama Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Sail, Pedas, Negeri Sembilan
9. Wan Khairoslina binti Wan Mohd Khairi SMK Bandar Tasik Kesuma, Beranang, Selangor
10. Teh Swee Kee SMK(P) Pudu, Kuala Lumpur
11. Dr. Thanapackiam a/p Periasamy SMK Seri Pantai, Bangsar, Kuala Lumpur
12. Rosnah binti Samlee SMK Sinar Bintang, Segambut, Kuala Lumpur
13. Yong Guat Baby SMK Taman Desa, Kuala Lumpur

PENGHARGAAN**Penasihat**

- | | |
|-----------------------------|-----------------------------------|
| Dr. Sariah binti Abd. Jalil | - Pengarah |
| Rusnani binti Mohd Sirin | - Timbalan Pengarah (Kemanusiaan) |
| Datin Dr. Ng Soo Boon | - Timbalan Pengarah (STEM) |

Penasihat Editorial

- | | |
|----------------------------------|----------------|
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani | - Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon | - Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman | - Ketua Sektor |
| Mahyudin bin Ahmad | - Ketua Sektor |
| Mohd Faudzan bin Hamzah | - Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | - Ketua Sektor |
| Paizah binti Zakaria | - Ketua Sektor |
| Hajah Norashikin binti Hashim | - Ketua Sektor |



Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4 - 8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my>